



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2016
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**[30 markah] KRITERIA****PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p style="text-align: center;">26 – 30</p> <p style="text-align: center;">atas (28 – 30)</p> <p style="text-align: center;">(26 – 27) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. ✓ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. <ul style="list-style-type: none"> ○ Penggunaan tanda baca betul dan tepat. ○ Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <u>tepat</u>. ✓ Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <u>ungkapan yang menarik</u> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan) ✓ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <u>matang</u>.
Kepujian	<p style="text-align: center;">20 – 25</p> <p style="text-align: center;">atas (23 – 25)</p> <p style="text-align: center;">(20 – 22) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan. ✓ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata <u>luas</u>. ✓ Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. ✓ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <u>jelas</u>.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Memuaskan	15 – 19 atas (17 – 19) (15 – 16) bawah	<ul style="list-style-type: none">]) Karangan masih menepati tema bahan rangsangan.]) Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat.]) Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat.]) Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.]) Penggunaan kosa kata umum.]) Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi.]) Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurang memuaskan	10 – 14 atas (12 – 14) (10 – 11) bawah	<ul style="list-style-type: none">]) Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan.]) Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. <ul style="list-style-type: none"> o Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan o masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad.]) Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi.]) Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan]) Huraianya kurang jelas.
Pencapaian Minimun	01 – 09 atas (06 – 09) (01 – 05) bawah	<ul style="list-style-type: none">]) Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.]) Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.]) Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

- () = Kesalahan isi
- _____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
- / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
- // = Kesalahan ejaan yang berulang
- = Kesalahan tanda baca

KRITERIA

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> _) Kegramatisan: <ul style="list-style-type: none"> - kata (morfologi) - ayat (sintaksis) _) Tanda baca
2. LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> _) Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	<ul style="list-style-type: none"> _) Tema _) Isi utama _) Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) _) Kerelevanhan
4. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> _) Wacana _) Logik _) Pemerengganan _) Format
5. GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> _) Keindahan bahasa _) Ungkapan _) Peribahasa

**KRITERIA
PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100	<ul style="list-style-type: none">) Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang luas dan tepat.) Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis.) Ejaan dan tanda baca betul) Laras bahasa sesuai dengan tugasan) Penggunaan <u>kosa kata</u> luas dan tepat) Idea relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai
	(90 – 100)	<ul style="list-style-type: none">) Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.) Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
	(80 – 89)	<ul style="list-style-type: none">) Penggunaan <u>unsur bahasa bervariasi</u>) Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
KEPUJIAN	66 – 79	<ul style="list-style-type: none">) Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> yang tepat.) Penggunaan <u>pelbagai ayat majmuk</u> yang gramatis tetapi terdapat <u>kesalahan yang minimum</u>) Ejaan dan tanda baca betul) Laras bahasa sesuai dengan tugasan.) Penggunaan <u>kosa kata</u> luas dan tepat) Idea relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.
	(73 – 79)	<ul style="list-style-type: none">) Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.) Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
	(66 – 72)	<ul style="list-style-type: none">) Penggunaan <u>unsur bahasa masih</u> bervariasi.) Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun,cogan kata atau frasa.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	51 - 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> ⟩ Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> sesuai. ⟩ Penggunaan <u>ayat majmuk</u> gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ⟩ <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> masih betul. ⟩ <u>Laras bahasa</u> sesuai mengikut tugasan. ⟩ Penggunaan <u>kosa kata umum</u>. ⟩ <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. ⟩ <u>Pengolahan masih</u> menarik, dan pemerengganan masih sesuai. ⟩ <u>Wacana masih</u> lengkap ⟩ Penggunaan <u>unsur bahasa masih bervariasi</u>. ⟩ <u>Gaya bahasa kurang menarik</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <u>kurang berkesan</u>.
MEMUASKAN	36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> ⟩ Penggunaan <u>pelbagai jenis kata</u> terhad. ⟩ Ayat <u>kurang gramatis</u>. ⟩ <u>Ejaan</u> dan <u>tanda baca</u> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. ⟩ <u>Laras bahasa</u> kurang sesuai. ⟩ Penggunaan <u>kosa kata umum</u> dan terhad. ⟩ <u>Idea masih relevan</u> mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. ⟩ <u>Pengolahan kurang menarik</u>, pemerengganan kurang sesuai. ⟩ <u>Wacana masih / kurang lengkap</u> ⟩ Penggunaan <u>unsur bahasa</u> kurang bervariasi. ⟩ <u>Gaya bahasa kurang menarik</u> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <u>kurang berkesan</u>.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Penggunaan kata kurang tepat. ✓ Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. ✓ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ✓ Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. ✓ Pengolahan tidak menarik. ✓ Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. ✓ Unsur bahasa tidak bervariasi. ✓ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ✓ Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ✓ Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. ✓ Pengolahan tidak menarik. ✓ Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. ✓ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik. ✓ Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

Cara menulis	K	-	Peringkat markah	Contoh	K	-	75
	- E	-	Mak 3 markah		- E	-	03
	- F	-	Mak 2 makah		- F	-	02
Jumlah	-		Markah bersih		- J	-	70

BAHAGIAN A (30 markah)

Karangan berdasarkan bahan rangsangan:

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang persediaan yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk menempuh alam kerjaya. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Tugasan soalan

1. Calon perlu menghuraikan pendapat tentang persediaan yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk menempuh alam kerjaya.

2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan::

- kelayakan akademik
- kemahiran komunikasi
- ketahanan fizikal dan mental

3. Sekiranya calon menambahkan isi keempat dan berkaitan dengan persediaan menempuh alam kerjaya, isi tersebut boleh diterima.

4. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan dan bahasa baik, markah maksimum peringkat kepujian.(20-25)

5. Sekiranya calon mengambil satu isi yang diberikan dan ditambah dengan isi lain, periksa seperti biasa.

6. Dalam konteks penandaan, pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200 hingga 250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45mnit kerana kta tidak mahu menyekat daya kreativiti calon di samping memberikan keyakinan kepada calon yang tidak mempunyai kemampuan untuk menulis dengan lebih panjang.

Cadangan Jawapan:

Persediaan yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk menempuh alam kerjaya:

1. Kelayakan akademik
 - memiliki pengetahuan yang tinggi
 - ada kelulusan/ kelayakan sebelum memohon sesuatu kerjaya
 - sentiasa membuat penyelidikan/ mengikuti isu semasa yang berkaitan dengan kerjaya
2. Kemahiran komunikasi
 - petah berbicara
 - matang melontarkan idea dan pendapat
 - berani dan yakin apabila berhadapan dengan pelbagai peringkat masyarakat
3. Ketahanan fizikal dan mental

- berdikari
- berdisiplin dalam melakukan tugas
- bijak membuat keputusan
- proaktif

BAHAGIAN B**Soalan 1**

Semangat kejiranan merupakan unsur penting dalam kehidupan bermasyarakat untuk membentuk komuniti yang sejahtera, bertolak ansur dan harmoni.

Huraikan faktor-faktor lunturnya semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat pada hari ini.

Format : Tiada

Tugasan Soalan:

1. Calon perlu menghuraikan faktor-faktor lunturnya semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat.(menyatakan contoh-contoh yang sesuai)
2. Jika calon menjawab aspek-aspek lain selain faktor (langkah,kesan dll) tetapi bahasa baik, markah maksimum peringkat baik (36-50)
3. Jika calon menghuraikan satu faktor sahaja, bahasa baik,markah maksimum peringkat kepujian (66-79)

Cadangan idea:

1. Sesetengah anggota masyarakat kini lebih bersifat **materialistik**, iaitu mengutamakan kebendaan dan kerjaya dsebabkan tuntutan hidup semakin mencabar
2. Sesetengah anggota masyarakat kini bersifat **individualistik**, akibat faktor urbanisasi iaitu mengutamakan hal masing-masing tanpa mempunyai masa untuk mengenali jiran
3. Ada ibu bapa yang tidak menggalakkan anak-anak mereka bergaul dengan anak jiran yang berlainan kaum.
4. Ibu bapa tidak menerapkan kepentingan amalan kejiranan kepada anak-anak menyebabkan anak-anak tidak mempedulikan jiran sekeliling
5. Masyarakat di kawasan kejiranan tidak menunjukkan kerjasama apabila tidak melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan yang diadakan di kawasan kediaman mereka
6. Tiadanya aktiviti rukun tetangga di sesetengah kawasan kediaman menyebabkan hubungan antara jiran menjadi longgar
7. Amalan gotong-royong dalam majlis kenduri dan sebagainya sudah semakin ditinggalkan kerana masyarakat lebih suka menggunakan khidmat *catering*
8. Faktor kawasan penempatan/jenis kediaman – pangsapuri, rumah flat, rumah-rumah dbina tembok/pagar yang tinggi.
9. Perbezaan pangkat dan latar belakang sosioekonomi yang berbeza.

10. Ketaksuhan masyarakat dengan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih menyebabkan mereka lebih senang berinteraksi atas talian berbanding berkomunikasi secara bersemuka

Soalan 2

Cuti sekolah merupakan masa yang ditunggu-tunggu oleh murid-murid bagi melepaskan tekanan pembelajaran di sekolah.

Huraikan cara-cara anda memanfaatkan masa cuti sekolah dengan sebaik-baiknya.

Tugasan Soalan

1. Calon perlu menghuraikan cara-cara memanfaatkan masa cuti sekolah dengan sebaik-baiknya

Format : Tiada

2. Sekiranya calon tidak menghuraikan langsung aspek tekanan pembelajaran di sekolah, hanya menghurakan cara-cara memanfaatkan masa cuti sekolah secara umum sahaja,tetapi bahasa baik, markah maksimum peringkat kepujian (66-79)

3. Sekiranya calon menghuraikan cara-cara yang negatif (tidak memanfaatkan), tetapi bahasa baik, markah maksimum peringkat baik (51-65)

Cadangan idea:

1. Membantu ibu bapa dalam pelbagai perkara.
2. Menghadiri kem motivasi
3. Mengulang kaji pelajaran
4. Bekerja secara sambilan
5. Berekreasi/ Beriadah
6. Mencuba hobi baharu

Soalan 3

Kenaikan harga barang menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekali gus menambahkan bebanan kepada sesetengah keluarga.

Tulis sebuah rencana tentang peranan ahli keluarga dalam menghadapi situasi ini.

Tugasan Soalan:

1. Calon perlu menulis rencana tentang peranan ahli keluarga dalam menghadapi kenaikan harga barang dan peningkatan kos sara hidup.

Format : Rencana

Tiada tajuk: tolak 1m

Tiada nama penulis: tolak 1m

Rujuk format penulisan rencana dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 ms 97.

2. Jika calon tidak menulis berdasarkan format rencana walaupun karangan itu sangat cemerlang (dari segi bahasa dan isi), calon tidak boleh diberikan markah cemerlang, maksimum di peringkat kepujian (66-79)

Cadangan idea:

1. Setiap ahli keluarga perlulah mengamalkan amalan berjimat cermat. Amalan ini dapat dilaksanakan dengan **mengurangkan perbelanjaan** Sebagai contohnya, jika pada suatu ketika dahulu kita berbelanja sebanyak 100 peratus, perbelanjaan tersebut hendaklah dikurangkan kepada 50 atau 60 peratus sahaja. Wang selebihnya hendaklah disimpan.
2. Sikap berjimat cermat dalam setiap ahli keluarga hendaklah bermula dengan amalan yang mudah-mudah terlebih dahulu seperti **mengawal penggunaan keperluan asas** terutama elektrik dan air. Rata-rata ibu bapa merungut tentang sikap anak-anak mutakhir ini yang dengan sewenang-wenangnya mencurahkan air sesuka hati dan membiarkan lampu dan kipas terpasang ketika tidak diperlukan.. Contoh yang paling mudah, jikalau kuasa elektrik dijimatkan dan utilitinya di bawah daripada paras RM20 justeru penggunaan domestik tersebut adalah percuma.
3. Ibu bapa mendidik anak-anak **mengamalkan sikap bersederhana** dalam hal makan minum, pakaian dan berbelanja sekadar yang perlu sahaja.
4. Anak-anak yang menunggu keputusan peperkaaan mungkin boleh membantu ibu bapa **bekerja sambilan** untuk menambahkan pendapatan keluarga dan mengurangkan bebanan.
5. Setiap ahli keluarga mestilah **meningkatkan pengetahuan tentang ilmu kepenggunaan** dan cakna dengan hak kita sebagai pengguna. Dengan adanya ilmu, ahli keluarga dapat membezakan antara keperluan dan kehendak.
6. Sebagai ketua keluarga, ibu bapalah yang berperanan untuk **menyediakan belanjawan kewangan** keluarga manakala anak mestilah dibawa berunding bersama. Melalui belanjawan kewangan, perbelanjaan dapat dikawal. ketua sesebuah keluarga pula hendaklah merancang perbelanjaan keluarga dengan teliti. Semua perbelanjaan hendaklah dibuat berdasarkan keperluan. Hal ini bermaksud barang-barang yang tidak diperlukan hendaklah diketepikan
7. Ibu dicadangkan untuk masak sendiri di rumah untuk keluarga, dan kurangkan aktiviti makan di luar sebagai langkah penjimatan.
8. Anak-anak boleh membawa bekalan ke sekolah.

Soalan 4

Peperangan membawa kemusnahan dan kehancuran.

Ulaskan pernyataan di atas.

Tugasan Soalan

Format: Tiada

1. Calon perlu mengulas kehancuran dan kemusnahan akibat peperangan di seluruh dunia.

2. Karangan calon mestilah mengandungi:
 - menyatakan sekurang-kurangnya tiga buah negara di dunia yang terlibat dalam kancan peperangan
 - kehancuran dan kemusnahan yang dialami oleh negara tersebut akibat peperangan.
3. Sekiranya calon menyatakan kemusnahan dan kehancuran secara umum tanpa menyatakan nama negaranya, karangan masih menepati tugas. Markah maksimum di peringkat baik (51-65).
4. Cadangan idea:
 - Kemusnahan kemudahan awam-hospital, sekolah, jalan raya & tempat-tempat awam lain.
 - Kemusnahan tamadun-ketamadunan Mesopotamia, Mesir & Indus yang tersohor dan agung suatu hari dahulu musnah pada akhir zaman akibat peperangan.
 - Kemusnahan ekologi dan kehidupan-kepupusan bangsa, tempat tinggal dan harta benda.
 - Kemusnahan kepelbagaian flora dan fauna-kawasan yang terkena letupan bom akan menjadi tanah gersang. Hutan belantara dan kawasan tanaman menjadi musnah.
 - Kemusnahan khazanah dunia-kawasasan tinggalan sejarah musnah akibat letupan bom.

Soalan 5

Pembelajaran aspek Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu banyak memberikan faedah kepada pelajar.

Jelaskan faedah-faedah yang diperoleh daripada pembelajaran tersebut.

Tugasan Soalan

Format: Tiada

1. Calon perlu menjelaskan faedah-faedah yang diperoleh daripada pembelajaran KOMSAS

Cadangan idea:

1. Memperkembang potensi murid- melahirkan insan seimbang (intelek, rohani, emosi, jasmani)
2. Membentuk sahsiah/ nilai-nilai murni dan budi pekerti yang mulia.
3. Remaja dapat mengambil ikhtibar/meneladani perkara-perkara yang baik dalam karya KOMSAS
4. Mendekatkan pelajar dengan kesantunan berbahasa
5. Membudayakan amalan membaca
6. Menambah ilmu pengetahuan

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT